

Malaysia mampu kukuh kuasa pasaran kayu Eropah

UM - 11/10/2006

MIRI 10 Okt. - Malaysia berharap dapat mengukuhkan kuasa pasaran bagi eksport kayu ke 25 negara Kesatuan Eropah (EU) mulai penghujung tahun depan dengan adanya rundingan dua hala yang dijadualkan bermula akhir November ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, rundingan pertama itu bakal menjadi titik permulaan ke arah mewujudkan kerjasama antara Malaysia dan EU.

Malah katanya, Malaysia telah dipilih sebagai negara pengeluar kayu hutan tropika pertama bagi membincangkan *Forest Law Enforcement, Governance and Trade (FLEGT)* dengan EU, meskipun terdapat negara lain seperti Ghana, Brazil dan Indonesia yang turut menunjukkan minat sama.

"Kedua-dua pihak bersetuju mengadakan pertemuan bagi merundingkan FLEGT yang mana rundingan ini dijangka berlangsung selama setahun.

"Justeru, saya menjangkakan perkembangan ini mampu mengukuhkan kuasa pasaran produk kayu-kayan negara ke negara-negara anggota EU," katanya pada sidang akhbar, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjelaskan hasil yang dicapai semasa Misi Ekonomi dan Teknikal Kayu-Kayan KPPK ke Belgium, Belanda dan Jerman dari 24 hingga 30 September lalu.

Katanya, rundingan itu diharap dapat menyakinkan EU terhadap sistem pensijilan kayu-kayan yang diguna oleh Majlis Pensijilan Kayu-Kayan Malaysia (MTCC).

Telus

"Kita mahu menyakinkan mereka bahawa sistem pensijilan MTCC adalah teratur dan telus serta berpandukan ciri-ciri unik hutan tropika di Malaysia.

"Ini bermakna, walaupun tidak menyertai skim Forest Stewardship Council (FSC), Malaysia tetap sedia berkerjasama dengan badan tersebut dalam mewujudkan pensijilan produk-produk dari hutan tropika," ujarnya.

Sehubungan itu, katanya, proses rundingan FLEGT akan dilakukan secara telus dan pragmatik dalam usaha menjadikan sistem pensijilan kayu-kayan negara diterima sebagai rujukan pasaran bagi semua

peralatan dalam loji itu sudah rosak," kata
lum flat ini dibina. Oleh itu, mungkin
"Loji pembentungan itu sudah wujud se
tidak diperbaiki oleh pihak berkenaan.
sistem saliran pembentungan najis yang ro
berlaturan sejak bertahun-tahun lalu ker
"Masalah bau busuk kumbahan itu te
an itu sangat menyakitkan hati mereka.
masa oleh para penduduk terabit dan kea
katanya, bau busuk itu dialami separa
ngan yang tidak diselenggara dengan baik.